

# Samy Vellu tidak lagi peduli dakwaan Subra

KUALA LUMPUR 22 Jun - Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu kini tidak peduli dengan sebarang dakwaan yang dilemparkan oleh Timbalannya, Datuk S. Subramaniam menjelang pemilihan parti itu 24 Jun ini.

"Biarkan dia (Subramaniam) mahu cap apa sahaja, saya tidak peduli (lagi) dengan dakwaan-dakwaannya itu," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kementeriannya di sini hari ini.

Samy Vellu mengulas dakwaan Subramaniam dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini yang dipetik berkata, kemungkinan pada pemilihan parti Sabtu ini pelbagai taktik kotor akan digunakan.

Subramaniam akan dicabar oleh Naib Presiden MIC, Datuk G. Palanivel yang juga calon pilihan Samy Vellu.

Terdahulu, seramai 704 kakitangan Kementerian Kerja Raya menerima anugerah masing-masing daripada Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya.

Dalam ucapannya, Samy Vellu berkata, budaya kerja cemerlang bercirikan nilai-nilai murni dan etika moral yang tinggi dapat mengelakkan daripada berlakunya gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa di sesuatu jabatan.

"Kecemerlangan sesebuah organisasi berkait rapat dengan tahap disiplin warganya. Pekerja yang berdisiplin dapat memastikan segala tugas yang diamanahkan dilaksanakan dengan teratur dan tidak menyalahi peraturan yang ditetapkan," katanya.